



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/1/2020	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Rumah 'diketuk' gajah

Papar: "Pintu rumah seolah-olah 'diketuk' (menggunakan belalai) gajah itu, kami sekeluarga sangat bimbang dan hanya berkurung dalam bilik (di rumah)," kata Masnah Mison, 68.

Masnah menceritakan detik cemas itu selepas kediamannya di pinggir Kampung Contoh, Kahang dekat Kluang, didatangi lima gajah, kira-kira 1 pagi, semalam.

Menurutnya, kehadiran kumpulan gajah itu disedari keluarganya apabila mendengar dengusan kuat di luar rumah.

Katanya, sebaik meninjau melalui tingkap, mereka terkejut apabila melihat haiwan itu berlegar di hadapan rumah.

"Kami tujuh beranak mendiamkan diri dan berkumpul di dalam satu bilik di rumah kerana ketakutan.

"Apatah lagi mendengar pintu rumah seperti 'diketuk', kami bimbang gajah itu menerjah masuk rumah.

"Tanaman di luar rumah



VIDYANANTHAN (kiri) melihat tanaman milik Masnah yang dirosakkan sekumpulan gajah.

seperti betik, nangka dan kelapa dirosakkan kumpulan gajah berkenaan," katanya ketika ditemui Metro Ahad, semalam.

Masnah ditemui ketika

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kahang, R Vidyananthan menziarahi kediaman keluarganya untuk menyalurkan bantuan pasca banjir.